

buletin landskap negara

HARI LANDSKAP NEGARA

2022

"Through landscape architecture, we can make our world a better place by focusing our efforts on the protection and management of the natural environment and humanising the effects of urbanisation and disruption to natural systems."

- James Hayter, IFLA President

25 Tahun Negara Taman Terindah

"Sustainable development is development that meets the needs of the present without compromising the ability of future generations to meet their own needs."

Gro Harlem Brundtland



KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN
MINISTRY OF HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT

JABATAN LANDSKAP NEGARA

Tingkat 10, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F,
Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 PUTRAJAYA.
Tel.: (603) 8091 0500 | Faks.: (603) 8091 0670 |



1996-2021
JABATAN LANDSKAP NEGARA

#25yearslandscapingthenation



Jabatan Landskap Negara



landskapnegara



landskap negara



<http://www.jln.gov.my>



KANDUNGAN



PERSPEKTIF



FOKUS



HEBAHAN MEDIA



LANDSKAP



PERISTIWA



AKTIVITI



BILATERAL



INSPIRASI

Editorial Buletin Landskap Negara

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum W.B.T dan salam sejahtera

PENASIHAT
Roslee Abdullah
Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara

EDITOR
Mohd Saifuddin bin Ali
Pengarah
Bahagian Promosi & Industri
Landskap

SIDANG PENGARANG
Mohd. Saifuddin bin Ali
Mohd. Faizal Nashahar
Muhammad Fakri Zaki Abadi
Intan Maisarah binti Razali
Azma Aiza binti Mohammad Puzi
Sazuan Afifi bin Naww
Siti Faznily Bahdia Zainul Abidin

KONSEP & REKABENTUK
Intan Maisarah binti Razali

GRAFIK DAN MEDIA
Ismadin bin Othman
Mazkhalis bin Haji Mahi

PENERBITAN
Bahagian Promosi & Industri
Landskap
Jabatan andskap Negara

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan Izin-Nya, Jabatan Landskap Negara telah berjaya menerbitkan Buletin Landskap Negara Edisi 2022. Buletin Landskap Negara memaparkan projek dan program Jabatan, peristiwa dan aktiviti semasa, perkongsian ilmu dan maklumat, bingkisan dari agensi, Pihak Berkuasa Tempatan dan penggiat industri landskap serta pelbagai catatan lakaran pencapaian dan kejayaan. Buletin Landskap Negara adalah platform Jabatan dalam menyampaikan wadah informasi pembudayaan landskap kepada masyarakat. Pasti penerbitan pada tahun ini lebih istimewa dan amat bermakna kerana ianya bersempena 25 tahun penubuhan Jabatan Landskap Negara.

Tahun ini bermula dengan penuh gemilang, menyaksikan penganjuran Hari Landskap Negara dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Hasni Bin Mohamad, Menteri Besar Johor dan Yang Berhormat Dato' Sri Reezal Merican Bin Naina Merican, Menteri Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

Sambutan Hari Landskap Negara ini juga telah diadakan setiap tahun bertujuan untuk menggerakkan aktiviti perlandskapan di kalangan rakyat khususnya generasi muda sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah (NTT).

“Negara Taman Terindah” yang merupakan matlamat penubuhan JLN dan seterusnya menjadi simbolik kejayaan 25 tahun JLN dalam memacu kemajuan landskap di Malaysia. Penubuhan JLN telah memberikan impak yang amat besar dalam menyediakan persekitaran landskap yang kondusif dan berdaya huni demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Saya percaya kecemerlangan pembangunan landskap negara akan terus unggul, didokong oleh usaha dan komitmen berterusan seluruh warga Jabatan dengan kerjasama semua pihak, baik di peringkat persekutuan, negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, penggiat industri landskap termasuklah sokongan Badan Bukan Kerajaan, badan korporat dan komuniti.

Akhir kata, saya berharap industri landskap akan terus maju, dan menjadi sebuah negara yang dikagumi dengan pembangunan landskap yang cemerlang.

Lindung diri, lindung keluarga dan *stay safe*.

Sekian, terima kasih.

ROSLEE BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH
JABATAN LANDSKAP NEGARA



1996-2021
JABATAN LANDSKAP NEGARA
#25yearslandscapingthenation



Hari Landskap Negara (HLN) adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara. Secara tradisinya sambutan HLN diadakan pada 3hb Mac setiap tahun. Sambutan pada tahun ini adalah kali yang ke-24 diadakan sejak diperkenalkan pada tahun 1998 dan turut disambut bersempena 25 Tahun penubuhan Jabatan Landskap Negara.

Tema HLN 2022

Tema “25 Tahun Negara Taman Terindah” dipilih untuk menekankan dan menggariskan peranan pihak berkepentingan yang merangkumi anggota masyarakat dalam melaksana, mengambil bahagian dan mewujudkan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals – SDG*) di Malaysia dalam konteks pendekatan seni bina landskap bagi menangani masalah persekitaran serta meningkatkan kesejahteraan bandar selain menekankan peranan komuniti seni bina landskap, kesejahteraan bandar selain menekankan peranan komuniti seni bina landskap.

“Negara Taman Terindah” yang merupakan matlamat penubuhan Jabatan Landskap Negara dan seterusnya menjadi simbolik kejayaan 25 tahun Jabatan Landskap Negara dalam memacu kemajuan landskap di Malaysia. Penubuhan Jabatan Landskap Negara telah memberikan impak yang amat besar dalam menyediakan persekitaran landskap yang kondusif dan berdaya huni demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Sambutan HLN 2022 ini juga menandakan usaha Kerajaan untuk memelihara dan mendidik masyarakat terutama generasi muda untuk mencintai dan menghargai landskap. Etika menghargai landskap juga akan berkembang sebagai budaya hidup masyarakat Malaysia agar pembangunan yang seimbang dan harmoni dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat sejajar dengan teras pertama Dasar Landskap Negara.

Penubuhan Jabatan Landskap Negara melalui program-program yang telah dijalankan berjaya mewujudkan peningkatan kualiti landskap Malaysia melalui perancangan dan pelaksanaan pembangunan landskap yang komprehensif.

Objektif HLN 2022

Sambutan HLN 2022 ini diadakan bertujuan untuk memberi penekanan terhadap pendekatan dan pelaksanaan seni bina landskap dalam mengadaptasikan matlamat pembangunan mampan di Malaysia, meningkatkan kesedaran kepada semua pihak yang berkepentingan untuk menggiatkan usaha dan inisiatif bagi mencapai wawasan Negara Taman Terindah; menyebarkan program pembangunan landskap yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan kepada umum terutama generasi muda; meningkatkan kesedaran semua pihak untuk menggiatkan usaha dan inisiatif bagi mencapai matlamat ke arah Malaysia Negara Taman Terindah dan menyokong perkembangan industri landskap negara di peringkat antarabangsa.



Yang Berhormat Dato’ Sri Reezal Merican Naina Merican Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyampaikan ucapan aluan Hari Landskap Negara 2022.

Salah satu objektif penganjuran HLN adalah membudayakan landskap dikalangan masyarakat. Justeru, secara tradisinya sambutan HLN akan diadakan selama beberapa hari melibatkan aktiviti seperti pameran, jualan produk landskap dan aktiviti sukan. Bagi menyokong perkembangan industri landskap, Jabatan turut menjemput penggiat industri landskap bagi menjual produk landskap. Selain itu, turut disediakan jualan, *food truck* serta pertandingan-pertandingan yang melibatkan pengunjung dan orang awam.



Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob Perdana Menteri Malaysia mengadakan lawatan ke reruai dan pameran, diiringi oleh tetamu kehormat.



Acara penanaman pokok oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob Perdana Menteri Malaysia bersama Yang Amat Berhormat Dato' Haji Hasni Bin Mohamad Menteri Besar Johor dan Yang Berhormat Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.



Jabatan Landskap Negara telah mula memperkenalkan Anugerah Inisiatif Negara Taman Terindah mulai tahun 2019 iaitu pengiktirafan untuk menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, komuniti, organisasi/sukarelawan dan pihak swasta/pemaju dalam menayakan pembangunan dan pengurusan landskap yang komprehensif. Pengiktirafan ini diberikan buat pertama kali pada HLN2019 di Taman Botani Putrajaya.

Bagi sambutan pada tahun ini, buat julung kalinya Anugerah Rosa Sinensis telah diperkenalkan. Ianya merupakan satu pengiktirafan kepada pihak berkuasa mengurus taman-taman awam dan kawasan hijau yang dirancang, dibangun dan diurus secara komprehensif yang memenuhi fungsi pembangunannya. Penyampaian trofi dan sijil kepada pemenang anugerah merupakan acara puncak bagi sambutan HLN pada tahun ini.

FOKUS

Anugerah Rosa Sinensis 2022

Senarai Penerima Anugerah Rosa Sinensis 2022



- Taman Botani Perdana
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- Taman Tasik Titiwangsa
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- Tunku Mahkota Ismail Youth Centre
Majlis Bandaraya Johor Bahru
- Gamuda Garden Central Walk
GAMUDA Land Sdn. Bhd.
- Dragonfly Park Eco Grandeur
EcoWorld Malaysia



Penyerahan Anugerah Rosa Sinensis 2022 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia kepada pemenang tempat pertama dan kedua kepada YBhg. Datuk Seri TPr. Hj Datuk Seri Mahadi Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur.



Penyerahan Anugerah Rosa Sinensis 2022 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia kepada pemenang tempat keempat kepada YBhg. Dato' Mohammed Hussein, Chairman of GAMUDA Land Sdn Bhd.



Penyerahan Anugerah Rosa Sinensis 2022 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia kepada pemenang tempat ketiga kepada YB Dato' Hj. Mohd Noorazam bin Dato' Hj. Osman, Datuk Bandar Johor Bahru.



Penyerahan Anugerah Rosa Sinensis 2022 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia kepada pemenang tempat kelima kepada Datuk Chang Khim Wah, Presiden & CEO of EcoWorld Malaysia.

Anugerah Booth Terbaik

Juara Keseluruhan

- Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Booth Paling Kreatif

- Tempat Pertama
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

• Tempat Kedua

- Majlis Bandaraya Johor Bahru

• Tempat Ketiga

- Majlis Perbandaran Batu Pahat

Booth Paling Berinformasi

- Majlis Perbandaran Muar

Booth Pencahayaan Terbaik

- Majlis Bandaraya Iskandar Puteri



Kategori Daerah

- Tempat Pertama
Majlis Daerah Simpang Renggam
- Tempat Kedua
Majlis Daerah Yong Peng
- Tempat Ketiga
Majlis Daerah Labis

FOKUS



Selain daripada itu terdapat juga persembahan kebudayaan daripada Yayasan Kesenian Johor. Kesemua persembahan diiringi oleh Kombo Muzikal Majlis Bandaraya Johor Bahru. Zainal Abidin menyampaikan lagu-lagu dari album solo beliau Hijau seperti Baba, Damai IV, Telaga, Debu Liar, Senang Tapi jauh, Senang- Senang Inayah, Manis dan turut mendendangkan lagu Hijau bersama – sama para penonton. Beliau dipilih sebagai artis utama pada malam tersebut kerana kesungguhan beliau memperjuangkan isu alam sekitar dan penjagaan bumi melalui lagu – lagu beliau.



KONSERT HARI LANDSKAP NEGARA 2022

Pada sesi sebelah malam pula, Hari Landskap Negara diserikan lagi dengan Konsert Hari Landskap Negara 2022. Konsert ini dihadiri oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru iaitu Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Noorazam Bin Dato' Haji Osman bersama isteri. Turut hadir pada malam tersebut ialah Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, YBrs. Puan Rotina Mohd Daik dan juga tetamu kehormat yang lain iaitu Yang Di Pertua di Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Johor. Antara barisan artis yang menjayakan konsert tersebut ialah Amira Othman dan juga kemuncak pada malam tersebut, tetamu didendangkan oleh penyanyi yang terkenal dengan lagu Hijau iaitu Zainal Abidin.



FOKUS

Car Free Day Hari Landskap Negara 2021

Aktiviti 'Car Free Day' telah diadakan pada hari terakhir sambutan HLN iaitu pada 06 MAC 2022. Seramai 500 orang peserta yang terdiri dari peserta berbasikal dan pejalan kaki telah turut sama memeriahkan aktiviti ini.



- Zumba/Senamrobik
- Car Free Day
- Pertandingan Futsal
- Permainan Tradisional
- Persembahan Keronchong
- Pertandingan Gubahan Bunga
- Pusanita MBB
- Final Futsal
- Sukan Rakyat (Bowling Kelapa)
- Persembahan 3 Budaya

FOKUS

Lensa Hari Landskap Negara 2021



"Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih, MBB" - Jabatan Landskap Negara

PERSPEKTIF

MAJLIS PENYERAHAN TAMAN AWAM TANJUNG AGAS, TANGKAK, JOHOR



Jabatan Landskap Negara, KPKT dengan kerjasama Majlis Daerah Tangkak telah mengadakan Majlis Penyerahan Taman Awam Tanjung Agas, Tangkak, Johor pada 16 Disember 2021 (Khamis).

Majlis penyerahan ini diserikan dengan kehadiran YAB. Dato' Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor dan YB. Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan YBrs. Puan Hajah Rotina binti Mohd Daik, Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara.

Yang Berhormat Menteri KPKT menyatakan bahawa pembangunan Taman Awam Tanjung Agas, Tangkak ini merupakan salah satu projek pembangunan landskap bagi penyediaan infrastruktur hijau yang berfungsi dan mampan sebagai teras penghijauan perbandaran dan pemeliharaan spesies tumbuhan.



PERISTIWA

MALYSIAN LANDSCAPE ARCHITECTS AWARD 2022



Pada 25hb Mac 2022, pihak Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) telah menganjurkan Malaysia Landscape Architecture Awards MLAA 2022. Acara diserikan dengan kehadiran YAB. Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Suhardi Maulan, President ILAM dan YBrs. Puan Hajah Rotina binti Mohd Daik, Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara.

MLAA 2022 merupakan anugerah yang diberikan kepada pengiat industri landskap termasuk perunding landskap, kontraktor landskap dan pemaju termasuk pihak berkuasa tempatan yang bersama merancang, merekabentuk, membangun dan mewujudkan Inisiatif Penghijauan Negara ke arah mewujudkan Negara Taman Terindah.



Jabatan Landskap Negara. juga telah dianugerahkan Honour Award : Professional Category Landscape Design Award bagi Projek Ujana Perbandaran Sungai Petani, Kedah. Tahniah diucapkan kepada penerima anugerah.

LANDSKAP PERSEKITARAN KEHIDUPAN

Program Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2021

Pada tahun 2021, Jabatan Landskap Negara telah menyiapkan beberapa projek di bawah Program Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, bagi memberi tumpuan untuk menyediakan kawasan persekitaran yang kondusif melalui penyediaan kemudahan infrastruktur landskap yang optimum, indah, berfungsi dan efektif di persekitaran kawasan kediaman, bandar tempatan dan pekan-pekan kecil. Ia dilihat mampu meningkatkan integrasi sosial dan menyokong kesejahteraan hidup rakyat.

Pewujudan program ini mampu memberi impak segera kepada rakyat kerana ia memberi fokus khusus kepada pendekatan peningkatan kualiti persekitaran kehidupan melalui pembangunan landskap secara *people centered* dan penambahbaikan *well being* kehidupan masyarakat setempat.

Objektiif utama landskap persekitaran ini mampu mewujudkan pembangunan landskap yang baik dan terancang, menghasilkan ruang rekreasi yang selesa, selamat, dan dapat membentuk satu sikap 'kepunyaan bersama' (*sense of belonging*). Tambahan pula, ia dapat menjadikan sesebuah kawasan riadah sebagai kawasan yang dapat meningkatkan kesihatan fizikal kepada pengguna.

LANDSKAP PERSEKITARAN KEHIDUPAN

Program Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2021



Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Angkasa Nuri, Durian Tunggal, Melaka



Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Samarinda, Pengkalan Alor Gajah, Melaka



Landskap Persekitaran Kehidupan di Jalan Watan 25 dan Jalan Watan 12, Taman Seri Watan, Ampang Jaya, Selangor



Landskap Persekitaran Kehidupan di Jalan Wawasan 1, Bandar Baru Ampang, Ampang Jaya, Selangor




Landskap Persekitaran Kehidupan di Pantai Sri Tujoh, Tumpat, Kelantan



Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Makmur, Kok Lanas, Ketereh, Kelantan



Landskap Persekitaran di Taman Seri Kerayong, Kapar, Klang, Selangor



Landskap Persekitaran Kehidupan di Padang Taman Samudera, Gombak, Selangor



Landskap Persekitaran Kehidupan di Bandar Baru Pasir Mas, Pasir Mas, Kelantan



Landskap Persekitaran Kehidupan di Bandar Utama Gua Musang, Gua Musang, Kelantan

YAB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia, saran 4 langkah perkasa landskap negara

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyenaraikan, empat perkara perlu diberikan keutamaan dalam hala tuju pembangunan landskap negara pada masa hadapan.

“Empat perkara yang dinyatakan Perdana Menteri itu merangkumi keperluan usaha memperkemas sistem jaringan landskap negara dan mendaya upaya potensi serta nilai ekonomi industri landskap.”



Ismail Sabri berkata, empat keutamaan itu seiring penambahbaikan dasar semasa kerajaan bagi memenuhi kehendak Keluarga Malaysia dalam mendepani cabaran serta keperluan negara terhadap pematuhan agenda kemampuan dunia, konsep pembangunan fizikal negara juga memerlukan perubahan.



“Suka saya cadangkan supaya ia turut didasari dengan peningkatan nilai sosial dan ekonomi kepada Keluarga Malaysia, serta peningkatan nilai aset negara, sama ada dinilai berdasarkan nilai ketara atau nilai bukan ketara.

“Bagi memastikan Keluarga Malaysia mendapat manfaat sepenuhnya, program Landskap Negara perlu diteruskan, dan kepentingan landskap dalam pembangunan negara perlu diperkukuhkan.



Sebagai satu panduan, suka saya mencadangkan supaya empat perkara itu diberikan kepentingan, dalam hala tuju pembangunan landskap negara pada masa hadapan,” katanya dalam ucapan perasmian Hari Landskap Negara 2022 di Taman Ekoflora, Puteri Wangsa, di sini, hari ini. Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Hasni Mohammad serta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

Green urban living to reshape country’s landscape

JOHOR BARU: The country’s landscape is set to be transformed under the National Beautification Parks agenda, says Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

The Prime Minister said the move will ensure a green ecological balance that shifts in tandem with the nation’s physical development while creating a low-carbon environment in urban areas.

“It is not easy to achieve but not impossible to realise.

“Over the past 25 years, the government has successfully developed over 9,578ha of land into parks throughout the country through the cooperation of all parties.

Separately, Housing and Local Government Minister Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican said the government is gearing up to develop the country’s landscape and flower industry as one of its high economic sectors for the future.

“Based on the high demand of the world market with an annual growth rate of 6%, the industry is expected to generate RM509mil per year to the country.

“Malaysia has great potential to be a producer of flower seeds in the world market, specifically for tropical climate countries,” he said.



Green potential: Ismail Sabri (left) and Johor Menteri Besar Datuk Seri Hasni Mohammad visiting some of the booths during National Landscape Day held at Taman Ekoflora in Johor Baru. — THOMAS YONG/The Star

“It is the government’s intention to see every state having a public park with the concept of a federal park to increase the people’s access to green urban areas,” he said in his speech during the opening ceremony of the National Landscape Day at Taman Ekoflora yesterday.

Ismail Sabri said the government is also optimistic that the concept will become the mainstay of the country’s landscape planning, starting with the streamlining of the landscape network system.

“The government will harness the potential and economic value of the landscape industry in line with global changes. A method of legal control will also be created specifically to protect Malaysia’s landscape assets,” he said

Reezal Merican said they are looking at several models of landscape and flower industry development as a reference for the National Landscape Industry Development Plan.

“It’s a new industry that can be explored to create job opportunities as well as academic studies,” he added.

“Based on the high demand of the world market with an annual growth rate of 6%, the industry is expected to generate RM509mil per year to the country.

BILATERAL

Misi Penggalakan Perdagangan dan Pelaburan Industri Landskap di Eropah

Misi Penggalakan Perdagangan dan Pelaburan Industri Landskap di Floriade, Belanda diketuai oleh Tuan Hj Mohd Razman Abu Samah, Timbalan Ketua Setiausaha, KPKT.

Duta Besar Malaysia ke Belanda, H.E Dato' Nadzirah Osman telah menerima kunjungan hormat daripada YBrs. Puan Hj. Rotina Mohd Daik, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara bersama-sama delegasi dari pegawai-pegawai KPKT, Jabatan Landskap Negara dan beberapa pemain industri landskap di Kedutaan Malaysia di Rustenburgweg 2, Den Haag, Belanda.



BILATERAL



Delegasi daripada KPKT dan Jabatan Landskap Negara meneruskan misi Promosi dan Penggalakan Industri Landskap untuk meneroka potensi di negara-negara Timur Tengah. Sheikh Mohammed Abdullah yang telah mengetuai Jabatan Taman dan Landskap Doha telah membuka peluang kepada kontaktor penyelenggaraan dan pengurusan landskap untuk bekerjasama dalam program tersebut dimasa hadapan.



Delegasi Promosi dan Penggalakan Industri Landskap meneruskan perbincangan dengan perwakilan dari United Arab Emirates (UAE) yang menawarkan potensi besar kepada pemain industri landskap Malaysia.


BILATERAL



Delegasi Promosi dan Penggalakan Industri Landskap Jabatan Landskap Negara meneruskan misi dengan mesyuarat bersama Pemilik dan Pengarah Nieuwkoop Group, Mr Henk Nieuwkoop, salah satu syarikat yang menjadi pengimport dan pengedar produk landskap yang terbesar di Netherlands. Syarikat mereka menjadi pusat setempat yang mengimport dan mengedar produk landskap ke seluruh Eropah. Tumpuan masyarakat kepada konsep 'Living with Nature' membuka peluang yang luas kepada pasaran tanaman tropikal yang diperlukan sebagai tanaman di dalam bangunan pejabat, industri dan rumah persendirian.



BILATERAL



Program Promosi dan Penggalakan Industri Landskap diteruskan lagi dengan mengadakan mesyuarat bersama Encik Megat Iskandar dan Puan Nor Faizah di pejabat MATRADE, Curzon Street, London (Trade Commissioner London). Delegasi - delegasi diberi pendedahan mengenai peluang untuk mengembangkan industri landskap dari segi pembekalan kepada syarikat-syarikat yang sedang menjalankan pembangunan bandar hijau di Malaysia.



BILATERAL



Lawatan diteruskan dengan sesi pertemuan diantara CEO Trompenburg Tuinen and Arboretum.

Arboretum Trompenburg ialah taman botani di Rotterdam, Belanda yang menempatkan koleksi terbesar tumbuhan berkayu serta herba. Ia mempunyai kawasan seluas 9 hektar dan terletak 4 meter di bawah paras laut.

Mesyuarat dan taklimat oleh Mr Richard Barley, Director of Kew Royal Botanic Garden dan Curator of Living Museum mengenai pengekalan rekabentuk taman, koleksi tanaman tropikal serta kerjasama saintifik yang di jalankan dengan arboreta diseluruh dunia. Potensi kolaborasi ini adalah sangat besar untuk pembangunan Taman Persekutuan dan Taman Botani Persekutuan dimasa hadapan.



BILATERAL

Delegasi YB Menteri KPKT dan Lawatan Ketua Pengarah JLN ke World Urban Forum WUF11 2022, Katowice Poland

World Urban Forum WUF11 2022, Katowice Poland

Sesi kunjungan hormat YBhg Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan keatas YBhg. Dato' Seri Paduka Maimunah Shariff, Executive Director for UN HABITAT, diiringi oleh YBrs. Pn Hjh Rotina Mohd Daik, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara.



Perasmian Malaysia Pavilion sempena World Urban Forum WUF11 2022, Katowice Poland.

YBhg Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan Malaysia Pavilion.



Pada 27 Jun 2022. Turun bersama dalam acara tersebut adalah YBrs. Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Ketua Pengarah PLAN Malaysia, CEO Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, SWCorp dan URBANICE Malaysia serta pelbagai agensi termasuk Pihak Berkuasa Tempatan, Universiti dan Agensi Kerajaan. Majlis ini turut dihadiri oleh Duta Besar Malaysia ke Poland.



Di dalam ucapan beliau antaranya menjelaskan betapa pentingnya pembangunan landskap dan penyediaan kawasan hijau di bandar yang mampu menjalinkan jaringan dan sirkulasi bandar yang lebih selamat, mampan dan berdaya huni.

YBrs. Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara juga telah menyampaikan cenderahati sebagai tanda ingatan kepada YBhg. Dato' Seri Paduka Maimunah Shariff, Executive Director for UN HABITAT.



BILATERAL



WORLD URBAN FORUM SESI KE-11 (WUF 11) – MINISTERIAL ROUNDTABLE

YB Menteri KPKT telah hadir ke *Ministerial Round Table* bagi World Urban Forum Sesi Ke-11 di Katowice, Poland dengan tema '*Transforming Our Cities, For A Better Urban Future*' bersama dengan pemimpin dari lebih 160 buah negara.

Dalam perbincangan tersebut, saya menyatakan bahawa Malaysia berada di landasan yang betul dalam mewujudkan persekitaran yang mampan. Sama seperti kebanyakan negara lain, kita sama-sama komited dalam melaksanakan Agenda Bandar Baharu.

Malaysia adalah sebuah negara bandar, dengan 25.7 juta orang tinggal di bandar dan kawasan bandar. Ia sebenarnya salah satu negara yang paling berdaya huni di Asia Tenggara.



Bagi memastikan kemampanan dan perbandaran inklusif, Malaysia telah memperkenalkan dan melaksanakan beberapa dasar alam sekitar dan sosial yang merentasi daripada peringkat nasional, sub-nasional hingga tempatan. Malaysia adalah sebuah negara yang maju dari segi ekonomi, sambil membolehkan alam sekitar berkembang maju, dan rakyat Malaysia makmur.

Beliau telah menyatakan bahawa, Pelan Hala Tuju Bandar Raya *Sustainable Development Goals* Malaysia sedang disediakan oleh setiap pihak berkuasa tempatan untuk memperkukuh dan mempercepatkan pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan, meningkatkan kualiti hidup dan memacu impak positif dari segi sosial, ekonomi dan alam sekitar kepada masyarakat setempat.

BILATERAL



WORLD URBAN FORUM WUF11 2022, KATOWICE POLAND - KUNJUNGAN HORMAT KEPADA ED UN HABITAT

YBhg. Dato' Paduka Maimunah binti Shariff Executive Director of UN HABITAT telah menerima kunjungan daripada YBrs. Puan Hajah Rotina binti Mohd Daik, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara pada 28 Jun 2022.

Dalam pertemuan itu, Puan Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara membincangkan potensi untuk perkhidmatan Arkitek Landskap dan pemain industri Landskap tempatan agar dapat memainkan peranan lebih besar dalam penghijauan Bandar terutamanya di Negara membangun serta projek-projek pembangunan di bawah UN HABITAT.

WORLD URBAN FORUM WUF11 2022, KATOWICE POLAND - POCKET TALK

Jabatan Landskap Negara telah membentangkan satu tajuk yang sangat menarik iaitu "*Bukit Kiara Federal Park, A Sanctuary in the City*" yang disampaikan oleh Puan Fauzana binti Abdullah, Pengarah Bahagian Taman Persekutuan.



BILATERAL



WORLD URBAN FORUM WUF11 2022, KATOWICE POLAND - PERTEMUAN BERSAMA DUTA BESAR MALAYSIA KE POLAND

YBhg. Dato Chitra Dewi Ramiah, Duta Besar Malaysia ke Poland telah meluangkan masa untuk bersama YBrs. Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara sempena WUF11 di Katowice, Poland. Perbincangan singkat ini membincangkan potensi pelaburan industri landskap tempatan di negara Poland yang mengekalkan 50 % dari kawasan perbandaran untuk tujuan kawasan hijau dan taman. Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara juga telah menyampaikan cenderahati iaitu buku Southeast Asia Landscape Architect.



WORLD URBAN FORUM WUF11 2022, KATOWICE POLAND - LAWATAN TEKNIKAL CITY REGENERATION AND SMART CITY KE GALERIA KATOWICKA

YBrs. Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara mengiringi YBhg. Dato' Chitra Dewi Ramiah, Duta Besar Malaysia ke Poland untuk mengetuai lawatan teknikal ke City Hall of Katowice yang diketuai oleh Mr. Maciej Stachura, City Secretary, Katowice City Hall. Lawatan tersebut merupakan salah satu projek terbaik Urban Regeneration yang memulihara dan memelihara bangunan lama dan baru menjadi hub pengangkutan utama di Bandar Katowice.



BILATERAL



Jabatan Landskap Negara bersama KPKT dan Keluarga Malaysia di dalam Majlis Pembukaan WUF11 yang telah disempurnakan bersama oleh YBhg. Dato' Paduka Maimunah binti Shariff, Executive Director of UN HABITAT, Mr. Andrzej Duda, Prime Minister of Poland dan Mr. Marcin Krupa, Mayor of Katowice.



WORLD URBAN FORUM WUF11 2022, KATOWICE POLAND - SESI BILETERAL ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN KERAJAAN EGYPT DI MALAYSIA PAVILION

YBhg. Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan sesi bilateral bersama H.E Mr. Asseem Abdel Hamid El Gazzar Minister of Housing, Utilities and Communities, Egypt. Turut Bersama adalah Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara. Di dalam pertemuan tersebut membincangkan hubungan dua hala kedua buah negara di dalam meningkatkan kerjasama di dalam sektor perumahan dan infrastruktur bandar. H.E Mr. Asseem juga menjemput pelabur dari Malaysia dalam projek bandar baharu di Cairo dan penyertaan pemain industri landskap tempatan di dalam perancangan dan pembinaan bandar baharu yang bakal mempunyai 1000 ekar kawasan hijau di bandar.



BILATERAL

WORLD URBAN FORUM WUF11 2022, KATOWICE POLAND - WUF11 SPECIAL SESSION

YBr. Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara telah bersama delegasi antarabangsa berkongsi pengalaman Malaysia dalam aspirasi perbandaran yang lebih baik melalui penghijauan Bandar.

Pada 28 Jun 2022, YBr. Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Adressing Urban Health Issues Through Ecological Landscape Design and Adaptation", di bawah tema *Tackling Urban Health Challenges In A Changing World*.

Dalam pembentangan tersebut, Jabatan Landskap Negara berkongsi bagaimana isu kesihatan di Bandar dapat dikawal melalui penyediaan kawasan hijau dan taman. Moderator bagi sesi ini adalah Kamelia Kemileva, Co-Director Geneva City Hub.

Bersama membincangkan topik ini adalah Ana Paula Matos, Vice Mayor Salvador, Mr. Salman Rashed Al Abassi, Diplomat Incharge in Sustainability Development, Energy and Environment, Ministry of Foreign Affairs, Bahrain and Mr. Sulayman Abdulmumini Ujah, Chairman of The Joint National Association with Disabilities, Nigeria.



WORLD URBAN FORUM WUF11 2022, KATOWICE POLAND - SERAHAN CENDERAHATI DARIPADA KETUA PENGARAH JABATAN LANDSKAP NEGARA

Bersempena lawatan Jabatan Landskap Negara ke projek rejuvenisasi Galeria Katawichka, wakil YBr. Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara iaitu En. Mohamad Sabrie Mansor telah menyerah buku Southeast Asia Landscape Architect sebagai tanda ingatan kepada Mrs. Magdelina Kolka, Deputy Director Investor Assistance Department of Katowice City Hall.




BILATERAL

WORLD URBAN FORUM WUF11 2022 - SESI BILATERAL, PERBINCANGAN 2 HALA DAN LAWATAN PAVILION

YBr. Puan Hajah Rotina binti Mohd Daik, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara telah mengadakan beberapa Siri Bilateral, perbincangan 2 hala dan lawatan ke Pavilion Qatar QA, Pavilion Saudi Arabia SA dan Paviliun Morocco MA pada 29 Jun dan 30 Jun 2022 bersempena WUF11.

Dalam pertemuan itu, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara telah membincangkan potensi mempelopori pasaran perkhidmatan Perunding Arkitek Landskap dan pemain Industri Landskap Tempatan yang lain seperti pembekal peralatan permainan kanak-kanak, pengusaha nurseri tanaman dan lain-lain.

Usaha ini akan memberi peluang kepada pengiat industri agar dapat memainkan peranan lebih besar dalam penghijauan Bandar terutamanya di Negara yang sedang rancak membangunkan taman dan kawasan hijau di bandar.



BILATERAL



WORLD URBAN FORUM WUF11 2022, KATOWICE POLAND - CLOSING CEREMONY

YBrs. Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara telah mengiringi YBhg. Dato' Chitra Dewi Ramiah, Duta Besar Malaysia ke Poland untuk bersama di dalam Acara Penutup WUF11 pada 30 Jun 2022 di Spodek Arena, Katowice. Acara ini telah disempurnakan bersama oleh YBhg. Dato' Paduka Maimunah binti Shariff Executive Director of UN HABITAT dan Mr. Marcin Krupa, Mayor of Katowice. Highlight acara penutup ini pastinya promosi bagi "host city" WUF12 iaitu Cairo, Egypt. *Thank you very much Katowice, Poland. See you in Cairo, Egypt 2024.*

KEY HIGHLIGHTS:

- Urban Landscape and Sustainability
- Cities Actions in Localising SDGs
- Green Solutions Towards Liveability

KEY FEATURES:

- Green Urban Greenery and Landscape, Less Waste-paper, prints etc, Eco-friendly Materials**
- Inclusive Open and welcoming, Engaging, Multi-stakeholders Participatory**
- Responsive Cost Effective, Local consumption & procurement, Local requirements**
- Technology Digital, Malaysia Pavilion Information System**



HEBAHAN TV DAN RADIO

Malaysia Berdaya Huni Bernama TV

Tarikh : 10 Disember 2021
YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik
Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara

Indahnya Landskap di Malaysia, Radio KPKT

Indahnya LANDSKAP MALAYSIA
SEMPENA HARI LANDSKAP NEGARA 2022

22 FEB 2022 | SELASA | 10:30 PAGI

Perkongsian oleh:
ENCIK MOHD SAIFUDDIN BIN ALI
Pengarah Bahagian Promosi dan Industri Landskap Jabatan Landskap Negara

Sambutan Hari Landskap Negara, KLFM

SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2022

24 FEBRUARI 2022
khamis
2.30 petang

MOHD SAIFUDDIN BIN ALI
Pengarah Bahagian Promosi & Industri Landskap, Jabatan Landskap Negara.

25 Tahun Negara Taman Terindah

25 TAHUN NEGARA TAMAN TERINDAH

BERSAMA

MARIAM ZAINAL
PENGARAH BAHAGIAN TAMAN PERSEKUTUAN
JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SELASA, 1 MAC 2022
08:00 - 10:00 PAGI

Sembang Kesihatan & Gaya Hidup, RTM 1

SEMBANG KESIHATAN & GAYA HIDUP

CELIK RUMAH DAN ALAM SEKITAR: BERMULA DENGAN ANDA

4 OKTOBER 2021, ISNIN
LIVE 1.00 - 2.00 Petang

Participants: Sofea Hoes, En. Mohd Saifuddin Bin Ali, En. Kamarul Ariffin Bin Abu Yusoff, En. Muhammad Nor Azam bin Saif, Pn. Noorhan Abd Halim.

Merealisasikan Negara Taman Terindah, ALFA102

MEREALISASIKAN NEGARA TAMAN TERINDAH

ISNIN
28 FEBRUARI 2022
3.30 PETANG

BERSAMA

PUAN RAMONA BINTI GAZALI
PENGARAH BAHAGIAN KHIDMAT TEKNIKAL,
JABATAN LANDSKAP NEGARA,
KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN.

HEBAHAN TV DAN RADIO

AGENDA AWANI CH 501



World Urban Forum WUF11 2022, Katowice Poland - Temubual Khas Agenda Awani: Perancangan Bandar Lestari

Pada 04 Julai 2022, YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik, Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara telah ditemubual menerusi Agenda AWANI.

lanya berkenaan peranan Jabatan Landskap Negara di dalam WUF11 serta usaha Malaysia untuk menjadikan Bandar Lestari dan berdaya huni melalui pembangunan Landskap dan Penyediaan Kawasan Hijau di Bandar.



YBrs. Puan Hajah Rotina binti Mohd Daik, Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara ditemubual oleh Agenda Awani di Serambi, Pavilion Malaysia sempena World Urban Forum WUF11 2022, Katowice Poland.

BULETIN UTAMA TV3



YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan selaku Ketua Delegasi Negara telah mengetuai negara Malaysia di persidangan antarabangsa - World Urban Forum Ke-11 (WUF11).

Seramai 200 orang delegasi dari Malaysia telah turut sama menjadi peserta di WUF11 dari 162 buah negara dengan menekankan komitmen yang berterusan Malaysia dalam agenda perbandaran mampan.

WEBINAR

Webinar Pengurusan Landskap 2021



Webinar Pengurusan Landskap 2021 - 21 Oktober 2021 (Khamis) Terdapat lima penceramah dari pelbagai latar belakang dengan topik yang menarik mengenai Pengurusan Landskap seperti: Senarai pembentang :

1. Organisasi dan Operasi Pengurusan Landskap LAR. Aziz bin Buang Naib Presiden (Landskap dan Taman) Jabatan Landskap dan Taman Perbadanan Putrajaya

2. Sustainable Approach In Preserving and Maintaining KLCC Park Attraction
Pn. Suraya binti Hussein
Head of KLCC Precinct Properties
KLCC UrusHarta

4. Pengurusan Risiko Pokok dan Keselamatan Persekitaran
CA LAR. Fariza Firdaus binti Mohd Salleh
Prinsipal
Raintree Arborists Sdn. Bhd.

3. Pengurusan Taman Persekutuan Bukit Kiara
Pn. Mariam binti Zainal
Pengarah
Bahagian Taman Persekutuan
Jabatan Landskap Negara

5. Pengurusan Ekohidrologi Tasik dan Wetland
Pegawai Sains Kanan
Perbadanan Putrajaya

Forum Perancangan Guna Tanah Ke Arah Sekuriti Makanan Negara sempena 100 Tahun HPBS, PLANMalaysia



Webinar yang berlangsung selama dua hari ini memberi manfaat dengan perkongsian ilmu mengenai kaedah pengurusan landskap yang lebih sistematik dan turut dihadiri oleh wakil Unit Landskap di Pihak berkuasa Tempatan seluruh negara.

Tarikh: 12 November 2021

Tetamu: Mohd Saifuddin Ali (Pengarah Bahagian Promosi dan Industri Landskap, Jabatan Landskap Negara) Sempena: 100 Tahun Hari Perancang Bandar, PLANMalaysia

WEBINAR

Bengkel Kajian Keperluan Kawasan Hijau

Pada 28 Mac 2022, Jabatan Landskap Negara telah menganjurkan Bengkel Kajian Keperluan Kawasan Hijau Dalam Pembangunan. Bengkel ini telah berlangsung selama 2 hari bermula pada 28 hingga 29 Mac 2022.

Kata aluan disempurnakan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara, YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik. Manakala tugas Moderator dikendalikan oleh Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan, Encik Mansor Mohamad.



Webinar Pengurusan Turf 2022



Jabatan Landskap Negara telah menganjurkan Webinar Pengurusan Turf 2022.

Webinar ini telah berlangsung secara atas talian sepenuhnya seperti maklumat seperti berikut :

Tarikh : 1 April 2022
Masa : 9.30 pagi
Dirasmikan oleh : Ketua Pengarah JLN

Demo Pembuatan Baja Organik

Program Demo Pembuatan Baja Organik Tanaman Bunga dan Sayuran anjuran Biro Lestari Hijau dan Rekreasi, Jabatan Landskap Negara telah dilaksanakan pada 09 Mac 2022 (Rabu) jam 11.30 pagi secara siaran langsung menerusi FB PUSPANITA KPKT sempena Sambutan Hari Wanita 2022 Peringkat KPKT.

Demonstrasi tersebut telah disampaikan oleh Pengerusi Biro Lestari Hijau dan Rekreasi Pusanita KPKT iaitu Dr. Mazifah Simis yang juga merupakan Pengarah Dasar dan Korporat, Jabatan Landskap Negara.




PROGRAM TERAS

Anugerah Inisiatif Negara Taman Terindah - Taman Kejiranan AU3, Keramat Wangsa, Kuala Lumpur



Latar Belakang Projek

Projek ini merupakan Anugerah Inisiatif Negara Taman Terindah di mana Jabatan Landskap Negara telah memberi pengiktirafan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang merancang, menyediakan, mengurus, menyelia dan membangunkan infrastruktur landskap yang komprehensif ke arah pencapaian Negara Taman Terindah. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah membangunkan Taman Komuniti di kawasan lapang AU3, Setiawangsa. Dengan terbinanya Taman Komuniti ini akan memberi kemudahan rekreasi dan kawasan lapang bagi aktiviti kemasyarakatan kepada penduduk di Taman Kejiranan AU3, Keramat Wangsa, Kuala Lumpur.



PERISTIWA

Sukarelawan Jabatan Landskap Negara

Pada 03 Januari 2022, Sukarelawan Jabatan Landskap Negara bersama Warga KPKT Malaysia telah menjalani operasi pembersihan pasca banjir di Taman Sri Nanding, Hulu Langat, Selangor. Usaha murni ini adalah untuk membantu membersihkan persekitaran kediaman agar kembali sedia kala.



Kumpulan Inovasi Dan Kreatif (KIK) Jabatan Landskap Negara

Mesyuarat Penyelarasan Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) Jabatan Landskap Negara telah diadakan pada hari ini, 12 Januari 2022 (RABU). Pada mesyuarat kali ini juga, ahli Kumpulan Inovasi dan Kreatif Jabatan telah diberikan pendedahan berkenaan inovasi landskap bertajuk Taman Awam Pintar oleh Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Produk inovasi ini juga telah dipertandingkan di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) 2021 dan Anugerah Inovasi Negeri Selangor dan menjadi Johan Kategori Inovasi Penciptaan (Sosial). Jabatan Landskap Negara juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada LAr. Mohd Fadhil bin Mohd Lani, Pengarah Jabatan Landskap Majlis Perbandaran Hulu Selangor yang sudi berkongsi pengalaman dan panduan rekebentuk landskap berinovasi.



PERISTIWA

Majlis Amanat 2022 dan Pelancaran Rangka Kerja Pemeriksaan Pihak Berkuasa Tempatan



Majlis Amanat 2022 dan Pelancaran Rangka Kerja Pemeriksaan Pihak Berkuasa Tempatan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Reezal Merican Bin Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah berlangsung pada 21 Januari 2022. Tiga falsafah utama digariskan yang dalam pelaksanaan gerak kerja warga KPKT iaitu merawat keresahan rakyat, membina keyakinan rakyat dan menepati ekspektasi rakyat. Ini telah dapat diterjemah dalam pelbagai inisiatif semasa KPKT serta usaha-usaha yang dilakukan semasa menghadapi kejadian banjir yang berlaku baru-baru ini.

Rangka Kerja Pemeriksaan PBT (RKPBT) yang memberi penekanan kepada bidang fokus yang perlu ditambah baik hasil daripada perbincangan, penelitian serta sesi libat urus dengan pelbagai pihak juga turut dilancarkan pada petang tadi.



Turut hadir di majlis tersebut adalah Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri KPKT dan YBhg. Datuk M Noor Azman Taib, Ketua Setiausaha KPKT serta pegawai kanan Kementerian, Jabatan, Agensi dan wakil-wakil daripada PBT seluruh negara secara bersemuka dan online. Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik turut juga hadir bersama.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Majlis Sanjung Budi Tautan Kasih - Puan Nurshikhah Daud, Pengarah Bahagian Taman Awam

Majlis Persaraan Puan Nurshikhah binti Daun, Pengarah Bahagian Taman Awam telah berlangsung pada 25 November 2021 dan YBr. Puan Hajah Rotina Mohd Daik, Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara telah turut hadir bersama bagi memeriahkan lagi majlis

Selamat bersara Puan Nurshikhah Daud yang telah berkhidmat di Jabatan selama 37 tahun. Terima Kasih atas khidmat bakti yang dicurahkan, "*Jasamu Dikenang...*"



Majlis Sanjung Budi Tautan Kasih - Encik Mohd Salleh Mahmood, Pengarah Bahagian Pembangunan Landskap



"Clock Out" dihari terakhir perkhidmatan Encik Mohd Salleh Bin Mahmood, Pengarah Bahagian Pembangunan Landskap di Jabatan Landskap Negara pada 08 Februari 2022. Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara, YBr. Puan Hajah Rotina Mohd Daik turut serta hadir bagi meraikan sesi tersebut.

Selamat bersara dan terima kasih di atas segala sumbangan serta khidmat bakti yang telah diberikan kepada Jabatan. "*Jasamu Dikenang...*"

Majlis Sanjung Budi Tautan Kasih - Encik Meor Saadon Sofian Mior Razali, Timbalan Ketua Pengarah Cawangan Dasar

"Clock Out" dihari terakhir perkhidmatan Encik Meor Saadon Sofian Mior Razali, Timbalan Ketua Pengarah Cawangan Dasar di Jabatan Landskap Negara pada 01 Mac 2022. Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara, YBr. Puan Hajah Rotina Mohd Daik turut serta hadir bagi meraikan sesi tersebut.

Selamat Bersara dan Terima Kasih di atas segala sumbangan serta khidmat bakti yang telah diberikan kepada Jabatan. "*Jasamu Dikenang...*"



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Malam Apresiasi HLN 2022 dan Persaraan Tuan Meor Saadon Sofian Mior Razali, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)



Pada 05hb Mac 2022 (Sabtu), telah berlangsung Malam Apresiasi HLN 2022 dan Persaraan Tuan Meor Saadon Sofian, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) di Rumah Kelab Eco World, Taman Ekoflora, Johor Bahru, Johor. Majlis dihadiri oleh Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, YBr. Puan Hajah Rotina Mohd Daik, Unit Komunikasi Korporat (UKK) KPKT dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).



PERISTIWA

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021 (APC 2021), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diadakan pada 24 Mac 2022 di Dewan Perdana, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Setinggi-tinggi penghargaan dan sekalung tahniah diucapkan kepada Warga Cemerlang Jabatan Landskap Negara yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2021. Semoga penganugerahan ini menjadi pendorong kepada semua warga kerja yang lain untuk terus berusaha mempertingkatkan produktiviti dan mutu kerja dalam meningkatkan imej Jabatan Landskap Negara.

Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Cawangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kali ke-39

PUSPANITA Cawangan KPKT (PCKPKT) telah menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-39 secara dalam talian. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 500 ahli PCKPKT yang terdiri dari pegawai wanita dan suri kepada pegawai lelaki di KPKT, Jabatan Perumahan Negara (JPN), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Jabatan Perancang Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Jabatan Landskap Negara (JLN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (SWCorp). Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT yang juga merupakan Penasihat PCKPKT. YBhg. Datuk mengingatkan kepada semua Ketua – Ketua Jabatan agar dapat memberikan fleksibiliti kepada pegawai – pegawai bagi menyertai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan. Selain itu, YBhg. Datuk turut menggalakkan agar pelbagai program yang memberikan manfaat kepada ahli dapat dianjurkan dengan kerjasama PCKPKT dan pihak KPKT serta Badan Kebajikan dan Sukan KPKT (KESKEP).



PERISTIWA

Bengkel Pelan Strategik Jabatan Landskap Negara 2022 - 2030



Bengkel Pelan Strategik Jabatan Landskap Negara 2022 - 2030 telah berlangsung dari 14 hingga 16 Mac 2022. Bengkel yang dianjurkan oleh Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat ini dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi Jabatan iaitu Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara, YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan, Encik Roslee Abdullah, Pengarah-pengarah serta wakil dari Pegawai Bahagian.



Kunjungan Hormat Majlis Perbandaran Taiping ke Jabatan Landskap Negara



Kunjungan Hormat Majlis Perbandaran Taiping ke Jabatan Landskap Negara dan Mesyuarat Penyelarasan Majlis Perasmian Taman Botani Perak, Taiping, Perak pada 17 Mac 2022. Mesyuarat yang diadakan secara fizikal dan *hybrid* ini telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara, YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik. Turut hadir bersama ialah Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan, Encik Mansor Mohamad serta wakil Jabatan, Majlis Perbandaran Taiping, Wakil SUK Negeri Perak Darul Ridzuan dan Agensi-agensi Negeri.

PERISTIWA DAN AKTIVITI

Sambutan Hari Bumi Peringkat Majlis Bandaraya Ipoh



Pada 21 April 2022, telah berlangsung Hari Bumi Sedunia yang telah dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Ipoh. Sambutan ini adalah merupakan usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab dan meningkatkan kesedaran masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Pelbagai agensi telah dijemput untuk bersama meraikan sambutan ini seperti PLANMalaysia, dan Jabatan Alam Sekitar.

Jabatan Landskap Negara telah bersama-sama menyertai aktiviti seperti Apresiasi Semulajadi dan Nyalaan Panjut bersama pelajar UiTM Sri Iskandar dan staf Majlis Bandaraya Ipoh.



Pada hari perasmian 22 April 2022 pula, Encik Mohd Saifuddin Ali yang mewakili Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara telah menyerahkan plak penyerahan taman bagi projek persekitaran kehidupan Kebun Komuniti Taman Dr. Seenivasagam kepada Exco Sains dan Alam Sekitar Perak iaitu Yang Berhormat Mohammad Akmal Kamaruddin.



PERISTIWA DAN AKTIVITI

Sambutan World Landscape Architect Malaysia 2022 (WLAM2022)



Jabatan Landskap Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah mengadakan Majlis Perasmian Sambutan Bulan Senibina Landskap Sedunia 2022 (WLAM2022) bagi kali yang ke-6 pada tahun ini. Majlis ini telah dihadiri secara atas talian oleh Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara dan dirasmikan oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, A.M.S., Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor.



YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik, Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara juga telah memberi ucapan khas secara atas talian di dalam Majlis Perasmian Sambutan WLAM 2022 yang bertemakan "Daya Tahan Landskap Ke Arah Kelestarian Alam". Turut memberi ucapan sokongan, Prof Madya LAr. Dr. Suhardi Maulan, President Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM). Sambutan Bulan Senibina Landskap Sedunia 2022 (WLAM2022) ini bertujuan memperkasakan peranan dan sumbangan Arkitek Landskap di mata dunia.

Tahniah kepada Bahagian Landskap Majlis Perbandaran Hulu Selangor di atas usaha penganjuran ini. Untuk makluman, pelbagai aktiviti yang telah diatur sepanjang sambutan WLAM 2022 ini dijalankan di dalam Daerah Hulu Selangor. Kesedaran masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Pelbagai agensi telah dijemput untuk bersama meraikan sambutan ini seperti PLANMalaysia, dan Jabatan Alam Sekitar.

PERISTIWA DAN AKTIVITI

Program Ihya' Ramadhan : Majlis Khatam Al-Quran

Pada 26 April 2022, telah berlangsungnya Majlis Khatam Al-Quran bertempat di Ruang Galeri Aras 10, Jabatan Landskap Negara. Majlis ini adalah anjuran bersama Kelab Kebajikan, Sukan dan Rekreasi JLN serta Pusanita JLN. Encik Muhammad Haziq Rusli selaku Presiden Kelab telah memimpin bacaan Al-Quran dan doa di dalam majlis tersebut. YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik, Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara turut hadir bagi melancarkan dan memeriahkan majlis. Bersama mengimarahkan lagi majlis ini adalah wakil-wakil setiap Bahagian di Jabatan Landskap Negara.



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Landskap Negara



Pada 20 Mei 2022, bertempat di Aras 7, Jabatan Landskap Negara, telah berlangsungnya Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Jabatan. Majlis yang dianjurkan oleh Kelab Kebajikan dan Rekreasi JLN bersama Bahagian Khidmat Pengurusan turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik, Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara.

PERISTIWA DAN AKTIVITI

Program Bengkel Penetapan Kriteria Kesesuaian Spesies Pokok Teduhan Pinggiran Jalan

Pada 07 Jun 2022, bertempat di Dewan Serbaguna Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Blok F9, Putrajaya, telah berlangsungnya Bengkel Penetapan Kriteria Kesesuaian Spesis Pokok Teduhan Pinggiran Hujan anjuran Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan, Jabatan Landskap Negara.



Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik, Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara secara dalam talian. Manakala ucapan aluan serta pembentangan pertama pula disampaikan oleh Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan, Encik Mansor Mohamad.


PERISTIWA

Bengkel Pemurnian Dokumen Anti Bribery Management Systems (ABMS) MS ISO 37001:200

Bengkel Pemurnian Dokumen Anti Bribery Management Systems (ABMS) MS ISO 37001:2006 telah berlangsung dari 15 hingga 17 Jun 2022 bertempat di Avillion Admiral Cove Port Dickson, Negeri Sembilan.

Menyerikan lagi program tersebut, YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik, Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara telah turut hadir bersama bagi merasmikan program ini.

Bengkel anjuran Unit Integriti, Jabatan Landskap Negara yang diketuai oleh Puan Nik Shara Abdul Rahim telah dihadiri oleh Pengarah serta wakil Bahagian dari Jabatan.



PERISTIWA

Bengkel Penyediaan Terma Rujukan Bagi Pelantikan Perunding Bagi Cadangan Menaiktaraf Landskap Bertema Di Taman Botani Negara Shah Alam

Pada 24 Jun 2022, bertempat di Pejabat Pentadbiran, Taman Botani Negara Shah Alam, telah berlangsungnya Bengkel Penyediaan Terma Rujukan bagi Pelantikan Perunding bagi Cadangan Menaiktaraf Landskap Bertema di Taman Botani Negara Shah Alam.

Bengkel ini diadakan bagi dalam memberikan khidmat nasihat teknikal Jabatan Landskap Negara kepada pihak Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA) dalam projek menaiktaraf landskap di taman botani tersebut. Bengkel ini dihadiri oleh pegawai daripada Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan dan juga Bahagian Khidmat Teknikal, Jabatan Landskap Negara yang diketuai oleh En. Mansor Mohamad serta Pengarah TBNSA, Puan Siti Zubaidah binti Mohamad dan pegawai.



Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU Peringkat Draf Laporan Akhir Kajian Keperluan Kawasan Hijau Dalam Pembangunan



Pada 29 Jun 2022, bertempat di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Aras 10, Jabatan Landskap Negara, telah berlangsungnya Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Peringkat Draf Laporan Akhir bagi Kajian Keperluan Kawasan Hijau Dalam Pembangunan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Dr. Mazifah Simis, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan Landskap Negara yang mewakili Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara. Mesyuarat turut dihadiri oleh En. Mansor Mohamad, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan serta ahli Jawatankuasa Pemandu Kajian iaitu wakil daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Perbadanan Putrajaya (PPJ) dan Universiti Teknologi MARA.

PERISTIWA

Kursus Pengurusan Projek Sakit Dan Bermasalah



Kursus Pengurusan Projek Sakit dan Bermasalah anjuran Bahagian Penilaian dan Penyelarasan bertempat di Vouk Hotel Suites, Georgetown, Pulau Pinang. Kursus ini disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Sr. Noliza Binti Din, Juruukur Bahan Penguasa J52 dari Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan, Jabatan Kerja Raya.

Matlamat kursus ini adalah untuk memberi pendedahan dan memantapkan prosedur dan tatacara menguruskan projek sakit dan bermasalah berdasarkan arahan perbendaharaan semasa. Melalui kursus ini pegawai projek turut diberi pendedahan bagaimana untuk meningkatkan kompetensi, daya inovasi dan kreativiti dalam merancang, melaksana, memantau dan menilai projek. Selain itu, pegawai dapat mempelajari contoh-contoh kes pertikaian akibat penamatan kontrak dan langkah penamatan kontrak bagi projek sakit dan bermasalah. Pembentangan projek dan lawatan ke tapak projek Taman Awam Vision Park, Pulau Pinang juga telah diadakan.



PERISTIWA

Program Interaktif Psikologi Jabatan Landskap Negara



Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat, Jabatan Landskap Negara bersama Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan Program Interaktif Psikologi bersama warga Jabatan yang bertempat di Bilik Latihan Cempaka, Aras 7, Jabatan Landskap Negara.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Warga berhubung pembangunan potensi dan pengupayaan sendiri melalui pendekatan psikologi dan kaunseling, menyediakan ruang dan kemudahan kepada warga Jabatan untuk berbincang dan meluahkan perasaan berhubung isu-isu kehidupan, kesihatan mental serta membentuk kepelbagaian kaedah dalam membantu meningkatkan prestasi kakitangan.



Antara perkhidmatan yang disediakan sepanjang program adalah perkhidmatan kaunseling dan konsultasi, ujian psikologi, ujian tekanan darah. Seramai 30 orang pegawai telah menghadiri sesi ini.

Demonstrasi Penanaman Dan Penjagaan Pokok Sempena Aspirasi Keluarga Malaysia

Perkongsian berkenaan demonstrasi penanaman dan penjagaan pokok daripada Jabatan Landskap Negara pada 3 Julai 2022, bertempat di Pentas Mini IKS, Litar Dato' Sagor, Pasir Salak, Perak Darul Ridzuan.



PERISTIWA

Bengkel Pemurnian - Manual Kualiti MS ISO 9001:2015, Jabatan Landskap Negara



Bengkel Pemurnian Manual Kualiti MS ISO 9001:2015 anjuran Bahagian Pembangunan Landskap pada 29 Jun 2022 hingga 01 Julai 2022 bertempat di Holiday Inn, Melaka.

Bengkel yang telah dihadiri seramai 27 orang peserta ini adalah bertujuan untuk, memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai Jabatan Landskap Negara berkaitan tatacara kerja Jabatan mengikut prosedur ISO yang betul dan membuat semakan bersama berkaitan Manual Kualiti MS ISO 9001:2015 Jabatan Landskap Negara yang sedia ada.



Selain itu, bengkel ini juga diadakan bagi mengkaji semula sistem pengurusan kualiti Jabatan bagi memastikan sistem yang disediakan masih bersesuaian, berkesan dan mencukupi. Ia perlu dirangka dengan teliti bagi memudahkan bahagian pengurusan projek melakukan setiap langkah projek mengikut prosedur yang ditetapkan tanpa melakukan sebarang kesilapan.



PERISTIWA

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Jabatan (JTPJ), Jabatan Landskap Negara



Pada 18 hingga 19 Julai 2022, telah berlangsungnya Mesyuarat Khas Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Jabatan (JTPJ), Jabatan Landskap Negara di Kuantan, Pahang. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara, YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik dan dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan, Pengarah-Pengarah serta pegawai-pegawai Bahagian Jabatan.



Lawatan kerja ini telah diketuai oleh Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara, YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik dan dihadiri oleh Pengarah-pengarah serta Pegawai-pegawai Bahagian Jabatan Landskap Negara.

Turut hadir, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan, wakil-wakil Pegawai dari Majlis Bandaraya Kuantan dan Pengurusan Menara Kuantan 188.

PERISTIWA

Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang 4.0

PENANTI – Ribuan pengunjung dari dalam dan luar negeri membanjiri Kampung Terus, bagi menyaksikan pelbagai keunikan sempena penganjuran Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang yang kembali diadakan secara fizikal pada tahun ini.

Pesta yang memasuki edisi keempat itu berlangsung selama tiga hari dari 22 hingga 24 Julai 2022, dan dianjurkan bersama oleh Pejabat Exco Agroteknologi, Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan serta Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti dan dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, YB Chow Kon Yeow. Antara keunikan yang dapat disaksikan pada penganjuran kali ini termasuk 17 arca jerami padi bersaiz besar, aktiviti menangkap ikan di tengah bendang, memamah, menunggang kuda dan kereta lembu, pameran dan pertandingan warisan padi, pertandingan boria, lawan bola dalam bendang, aktiviti riadah, sepak raga, larian Sungai Penanti serta banyak lagi.



Jabatan Landskap Negara diwakili oleh En. Mohd Saifuddin Bin Ali, Pengarah Bahagian Promosi dan Industri Landskap. Turut hadir, Exco Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar & Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin; Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad; Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Kamarul Haizal Koderat dan Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Asisten Komisioner Tan Cheng San.

Pada masa sama, YB Chow Kon Yeow turut mencadangkan supaya pertandingan arca jerami yang menjadi tarikan utama pada penganjuran pesta padi kali ini diangkat ke persada dunia setanding dengan pertandingan-pertandingan bertaraf antarabangsa yang lain. YB Ketua Menteri juga mengalu – alukan penglibatan Arkitek Landskap di dalam festival ini kerana kekuatan seni rekacipta landskap dalam profesion dapat menyumbang kepada kesenian arca padi untuk dijadikan sumber pelancongan tempatan. “Apabila jerami padi yang tidak berharga ini boleh digunakan untuk membina arca yang cantik dan dapat menarik kunjungan pelancong, tempat ini sudah tentunya menjadi agro-pelancongan destinasi yang baru di negara ini. Saya percaya Arkitek Landskap dapat menyumbang kepada kesenian dalam rekacipta arca ini”.



PERISTIWA

Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Landskap Negara 2022



Majlis perhimpunan kali ini yang dianjurkan oleh Bahagian Khidmat Teknikal, turut dimeriahkan lagi oleh kehadiran Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara, YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik, Timbalan Ketua Pengarah Cawangan Dasar dan Pembangunan, Pengarah-Pengarah serta Pegawai-Pegawai Bahagian Jabatan.



Di dalam Majlis ini juga, Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara turut melancarkan dan merasmian Laman Web Jabatan yang berwajah baharu dan Sistem Carian Buku Jabatan Secara Online - Librarika JLN, yang dibangunkan di atas inisiatif Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan Jabatan Landskap Negara.




PERISTIWA

LIBRARIKA JLN: Perpustakaan Online Jabatan Landskap Negara

Di dalam Majlis Perhimpunan Bulanan yang telah berlangsung pada 22 Julai 2022, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik telah melancarkan dan merasmikan Laman Web Jabatan yang berwajah baharu dan Sistem Carian Buku Jabatan Secara Online - Librarika JLN, yang dibangunkan di atas inisiatif Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan Jabatan Landskap Negara.

Sistem tersebut boleh dicapai melalui pautan: bit.ly/librarikajln



Mesyuarat Pengurusan Jabatan Landskap Negara

Pada 23 Julai 2022 telah berlangsungnya Mesyuarat Pengurusan Jabatan Landskap Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik dan dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Bahagian.



PERISTIWA

Mesyuarat Penyelarasan Halatuju Dan Tindakan Program Akreditasi Industri Landskap Dan Program Misi Penggalakan Pelaburan Industri Landskap



Pada 02 Ogos 2022 telah berlangsungnya Mesyuarat Penyelarasan Hala Tuju dan Tindakan Program Akreditasi Industri Landskap dan Program Misi Penggalakan Pelaburan Industri Landskap - Jabatan Landskap Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik. Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Dasar, Dr. Mazifah Simis, Pegawai-pegawai Jabatan, Wakil Pegawai I-KPKT dan pihak Urbanice Malaysia, Dr. Mohd Rizal bin Osman.

Terdapat dua kertas perbentangan berkaitan program akreditasi industri landskap telah disampaikan oleh Pegawai Pertanian Bahagian Pengurusan Landskap dan Pegawai Bahagian Promosi dan Industri Landskap.

Demonstrasi Penanaman Dan Penjagaan Pokok

Demonstrasi Penanaman dan Penjagaan Pokok berlangsung di *Miracle Garden*, *Malaysia Agriculture, Horticulture and Agro-Tourism (MAHA 2022) Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan* oleh En Mazkhalis Mahi dari Bahagian Promosi Dan Industri Landskap.



PERISTIWA

Mesyuarat Pertama, Pihak Berkepentingan, Projek Kajian Roadmap, Landskap Negara 2030



Mesyuarat yang diurusetikan oleh Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat ini dihadiri oleh YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik, Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara, YBhg. Tan Sri Profesor Emeritus Dr. Zakri Abdul Hamid, YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahim Nik, YBhg. Dato Dr. Saw Leng Guan, Profesor Dr. Mohamad Osman, Dr. Mazifah Simis, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Pengarah dan Pegawai- Pegawai Bahagian di Jabatan Landskap Negara. Turut hadir adalah wakil-wakil dari Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri dan Tempatan (PBT), Agensi Kerajaan, Universiti Awam, dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).



PERISTIWA

Lawatan Kerja Pelan Induk Landskap Hulu Terengganu, Terengganu



Lawatan Kerja Pelan Induk Landskap Hulu Terengganu telah diadakan pada 4 hingga 5 Ogos 2022. Turut menjayakan lawatan kerja ini ialah Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara dan Puan Ramona Razali, Pengarah Bahagian Pembangunan Landskap serta Pegawai-pegawai Bahagian tersebut.

Sambutan Hari Landskap Negara 2022 peringkat Negeri Pulau Pinang

Sambutan Hari Landskap Negara 2022 peringkat negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 20 Ogos 2022 bertempat di Taman Kejiranan Desa Mawar. Majlis ini telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Sri Utama Ahmad Fuzi Abdul Razak, Yang di Pertua Negeri Pulau Pinang. Turut sama hadir, Dato' Ar. Yew Tung Seang, Datuk Bandar Pulau Pinang, YB Jagdeep Singh Deo, Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Perancangan Bandar Dan Desa). Wakil Jabatan Landskap Negara yang hadir adalah En. Mohd. Saifuddin bin Ali, Pengarah dan En. Mazkhalis bin Mahi, Penolong Arkitek Landskap dari Bahagian Promosi dan Industri Landskap.



PERISTIWA

Majlis Pelancaran Pelan Induk Landskap Daerah Maran, Pahang

Pada 27 Ogos 2022, Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Pelan Induk Landskap Daerah Maran anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang berlangsung di Arena Y.A.M. Tengku Muda Pahang. KPKT menerusi Jabatan Landskap Negara komited untuk memelihara dan mendidik masyarakat untuk mencintai dan menghargai landskap agar pembangunan yang seimbang dan harmoni dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat sejajar dengan teras Dasar Landskap Negara. Selari dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan untuk merealisasikan aspirasi negara Malaysia Berdaya Huni atau *Liveable Malaysia*, salah satu fokus utama pelaksanaannya adalah untuk mengutamakan Pembangunan Bandar Hijau dan Berdaya Tahan.



PERISTIWA

Majlis Penghargaan Perkhidmatan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada YBrs. Puan Hjh Rotina Binti Mohd Daik, Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara



"Saya dan seluruh Pasukan KPKT mengucapkan ribuan terima kasih dan selamat bersara buat YBrs. Puan Hajah Rotina binti Mohd Daik, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara yang telah berkhidmat sebagai penjawat awam selama 38 tahun. Sepanjang perkhidmatan bersama Jabatan Landskap Negara, beliau dikenali sebagai figura landskap yang menyokong setiap inisiatif dan pembangunan landskap perbandaran yang berkualiti. Beliau juga telah menunjukkan semangat dan komitmen dalam memaju dan mengembangkan bidang landskap melalui kejayaan mempromosikan industri dan bidang seni bina landskap di Malaysia ke peringkat antarabangsa. Saya berharap legasi beliau ini dapat diteruskan supaya JLN kekal cemerlang dalam memperkasa pembangunan landskap di Malaysia seiring usaha KPKT mewujudkan bandar berdaya huni. Selamat bersara"

- Yang Berhormat Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Majlis "Budimu Disanjung, Jasamu Dikenang" sempena Hari Persaraan YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik anjuran PUSPANITA Jabatan Landskap Negara

Majlis "Budimu Disanjung, Jasamu Dikenang" telah diadakan sempena Hari Persaraan YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik, di Balqis Restaurant, Shaftsbury, Putrajaya. Majlis dihadiri oleh Pengerusi Puspanita, Dr. Mazifah Simis, Puan Ramona Razali, Puan Nur Adelina Ramli beserta 11 Ahli Jawantankuasa Puspanita Jabatan Landskap Negara. Terima kasih kepada YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik atas khidmat bakti sebagai Penaung Puspanita bagi sesi 2020-2022.



PERISTIWA

Potensi Industri Landskap dan Benih Bunga-bunga



Industri landskap dan benih bunga-bunga mempunyai potensi nilai tinggi dalam menjadikan ia salah satu sektor penjaan ekonomi negara. Pemain industri bunga-bunga tempatan merupakan antara pengeluar utama spesis bunga-bunga iklim tropika ke pasaran dunia.




Pada 28 Mac 2022, Yang Berhormat Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam rangka lawatan kerja ke Dubai, UAE berkesempatan untuk melawat dan meneroka peluang ke Dubai Miracle Garden yang merupakan sebuah taman bunga yang dibangunkan oleh sebuah syarikat dari Malaysia yang mempunyai kepakaran dalam industri bunga-bunga. Beliau juga berkata, "Sememangnya industri landskap dan bunga-bunga ini mempunyai nilai pasaran yang cukup besar."



INSPIRASI

Islamic Garden : Variations of Design (Part 2)

Penulis
Mohd Saifuddin bin Ali



Many of the gardens of Islamic civilization no longer exist today. While most extant gardens retain their forms, they had not been continually tended and the original plantings have been replaced with contemporary plants. A transient form of architectural art, gardens fluctuate due to the climate and the resources available for their care. The most affluent gardens required considerable resources by design, and their upkeep could not be maintained across eras. A lack of botanical accuracy in the historical record has made it impossible to properly restore the agriculture to its original state. There is debate among historians as to which gardens ought to be considered part of the Islamic garden tradition, since it spans Asia, Europe, and Africa over centuries.

1. Umayyad Gardens

Al-Ruṣāfa: Built in the city of Rusafa, present day northern Syria, this site was an enclosed garden at the country estate of Umayyad caliph Hishām I. It has a stone pavilion in the center with arcades surrounding the pavilion. It is believed to be the earliest example of a formal Charbagh design.

2. Gardens In Al-Andalus

Generalife, Granada: Built by the sultan Muhammad III on a hill across from Alhambra. The palace contains many gardens with fountains, pavilions providing views of the landscape, and shallow-rooted plants. Two present gardens are original: the Acequia ("canal") Court and the stairway that went to the upper level of the estate.

3. Abbasid Gardens

Dar al-Khilafa: This palace was built in 836 at Samarra, at the order of the Abbasid caliph al-Mu'tasim. The palace can be entered through the Bab-al'Amma portal. This portal's second story allowed people to gain an entire view of the nearby landscapes, including a large pool, pavilions and gardens. An esplanade was also included with gardens and fountains. A polo ground was incorporated along the facade of the palace, as well as racetrack and hunting preserves.

(cont.)



(cont.)

4. Mughal Gardens

Tomb of Jahangir gardens at Shahdara Bagh in Lahore, Pakistan. The Mughal gardens of present-day India, Bangladesh and Pakistan, are derived from Islamic gardens with nomadic Turkish-Mongolian influences such as tents, carpets and canopies. Mughal symbols, numerology and zodiacal references were often juxtaposed with Quranic references, while the geometric design was often more rigidly formal. Due to a lack of swift-running rivers, water-lifting devices were frequently needed for irrigation. Early Mughal gardens were built as fortresses, like the Gardens of Babur, with designs later shifting to riverfront gardens like the Taj Mahal.



5. Hammadid Gardens

Beni Hammad, Algeria: Dar al-Bahr, the Lake Palace, is situated on the southern end of Beni Hammad Fort, a ruined fortified city which has remained uninhabited for 800 years. Artifacts recovered from the site attest to a high degree of civilization. During its time, it was remarked upon by visitors for the nautical spectacles enacted in its large pool. Surrounding the pool and the palace were terraces, courtyards and gardens. Little is known of the details of these gardens, other than the lion motifs carved in their stone fountains. Beni Hammad Fort is noted as an "authentic picture of a fortified Muslim city."

6. Ottoman Gardens

Berat and Elbasan, Albania: Evliya Çelebi's 17th century travel book Seyahatnâme contains descriptions of paradise gardens around the towns of Berat and Elbasan, Albania. According to Robert Elsie, an expert on Albanian culture, very few traces of the refined oriental culture of the Ottoman era remain here today. Çelebi describes the town of Berat as an open town with appealing homes, gardens, and fountains, spread over seven green hills. Çelebi similarly describes the town of Elbasan as having luxurious homes with vineyards, paradise gardens and well-appointed parks, each with a pool and fountain of pure water.

7. Safavid Gardens

Chihil Situn, Isfahan: The building of Chihil Situn was completed by Safavid Shah 'Abbas II at 1647, with a reception hall and a fifteen-acre garden. It was located among other royal gardens between the Isfahan palace and the Chahar Bagh Avenue. Three walkways lead to the reception hall in the garden, and a rectangular pool within the garden reflects the image of the hall in water.



PELANTIKAN KETUA PENGARAH JABATAN LANDSKAP NEGARA TAHUN 2022

YBrs. Tuan Roslee bin Abdullah dilahirkan pada 30 Oktober 1963 di Machang, Kelantan dan merupakan seorang yang berpengalaman luas dalam bidang seni bina landskap. Pada tahun 1990, beliau telah menerima Anugerah Dekan dan dianugerahkan sebagai Pelajar Terbaik di peringkat diploma; seterusnya, pada tahun 1998, beliau juga telah menerima anugerah yang sama di peringkat ijazah serta berjaya menamatkan pelajarannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap (Kepujian) dengan Kelas Pertama di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Pada tahun 1999, beliau telah memulakan kerjaya di Jabatan Landskap Negara sebagai Arkitek Landskap di Bahagian Taman Awam dan Rekreasi. Pada tahun 2005 pula, beliau telah dilantik menjadi Pengarah di Unit Data dan Teknologi Maklumat diikuti dengan Bahagian Penilaian dan Penyelarasan pada tahun 2007 hingga 2010.

Pada tahun 2010 hingga 2012, YBrs. Tuan Roslee bin Abdullah telah dipilih sebagai Pengarah Khidmat Teknikal dan Projek Khas; dan pada tahun berikutnya, beliau dilantik menjadi Pengarah di Bahagian Taman Awam dan Rekreasi. Oleh kerana pengalaman beliau yang amat luas dalam pengurusan projek landskap, maka, pada tahun 2018 hingga tahun 2022, YBrs. Tuan Roslee bin Abdullah diberi kepercayaan dan mandat sebagai Timbalan Ketua Pengarah, Cawangan Pembangunan, di Jabatan Landskap Negara.

Sepanjang kerjaya dalam menguruskan projek pembangunan landskap, banyak projek-projek pembinaan landskap yang berjaya disiapkan; antaranya adalah Ujana Peremba, Alor Setar dan Ujana Perbandaran Sungai Petani, Kedah, Taman Awam Tanjung Agas, Johor, Taman Awam Miri, Sarawak, Taman Awam Teluk Likas, Sabah serta lain-lain projek di seluruh negara.

Sepanjang perkhidmatan, beliau telah terlibat dengan program-program di peringkat nasional dan antarabangsa. Antaranya, adalah sebagai Ketua Jawatankuasa Induk bagi Festival Antarabangsa LAMAN dan Taman pada tahun 2004 hingga 2008, penyertaan di Taman Malaysia, Royal Flora Ratchaphurek, Thailand dan juga penglibatannya di Seminar "Healthy Parks, Healthy People" di Melbourne, Australia. Beliau juga merupakan penggerak kepada pencapaian "Guinness Book of Records: Penanaman 1 Juta Pokok Serentak Seluruh Negara".

Pada 23 September 2022, beliau secara rasminya telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara dan juga merupakan ketua perkhidmatan bagi seni binaan landskap di Malaysia.

Tahniah dan Selamat Menjalankan Tugas.

